

0754

U B050 AAB
MAHATHIR - ASB R'R'R'

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- SEMUA 2.4 JUTA PEMEGANG SAHAM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) SECARA AUTOMATIK MENJADI PELABUR SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) MULAI JANUARI INI DENGAN PELABURAN PERMULAAN \$10 DIBAYAR OLEH PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) BAGI PIHAK PELABUR, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEMASA MELANCARKAN ASB DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, BONUS ASN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIS INI AKAN DIBAYAR DALAM BENTUK UNIT DI BAWAH SKIM ASB DAN PELABURAN POKOK \$10 ITU BAGAIMANAPUN TIDAK BOLEH DIKELUARKAN OLEH PELABUR SELAMA 10 TAHUN.

BELIAU BERKATA, PEMEGANG SAHAM ASN DENGAN ITU AKAN MEMPUNYAI 10 UNIT SAHAM DAN DITAMBAH DENGAN 5 PERATUS DARIPADA JUMLAH UNIT ASN YANG DIMILIKINYA DALAM SKIM ASB. UNIT BONUS BOLEH DIJUAL OLEH PELABUR YANG BERHAJAT UNTUK MENDAPATKAN WANG TUNAI.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN PEMBAYARAN DIVIDEN 9.5 PERATUS OLEH ASN KEPADA PELABUR UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DIS. -- LAGI
1227MST 11 11 89

U B062 AAB
MAHATHIR - ASB 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA URUSNIAGA SKIM ASB, YANG AKAN DIBUKA KEPADA BUMIPUTERA MULAI 1 JAN INI, KEKAL PADA HARGA \$1 SEUNIT SEPERTI URUSNIAGA ASN MANAKALA HAD MAKSIMUM PELABURAN DINAIKKAN KEPADA 100,000 UNIT BERBANDING DENGAN HAD MAKSIMUM 50,000 UNIT DI BAWAH ASN.

KATANYA, URUSNIAGA ITU KEKAL PADA HARGA \$1 SEUNIT KERANA KEBANYAKAN MASYARAKAT BUMIPUTERA BERMINAT DENGAN PENDEKATAN INI, YANG BOLEH MELINDUNGI MEREKA YANG KURANG MAHIR DALAM PERNIAGAAN BURSA SAHAM.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SKIM BARU ITU BERTUJUAN MENGEKALKAN PEMILIKAN MODAL DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA HASIL DARIPADA SKIM ASN.

+ADALAH DIKHUATIRI APABILA SAHAJA UNIT ASN DINILAI MENGIKUT HARGA PASARAN MAKA KEBANYAKAN DARIPADA BUMIPUTERA AKAN MENJUAL UNIT-UNIT MILIK MEREKA UNTUK MENGAMBIL KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK.

+DENGAN INI SEGALA USAHA UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA MELALUI DASAR EKONOMI BARU (DEB) AKAN MEROSOT SEJURUS SELEPAS TAMATNYA DASAR ITU PADA 31 DISEMBER 1990,+ KATANYA. -- LAGI
1409MST 11 11 89

U B063 AAB
MAHATHIR - ASB 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SAHAM-SAHAM DALAM SKIM ASN, YANG MENGIKUT SURAT IKATAN AKAN MATANG MULAI 1 JAN 1991, AKAN DINIAGAKAN MENGIKUT PASARAN HARIAN NILAI SEUNIT.

INI BERMAKNA PELABUR ASN AKAN MENGHADAPI RISIKO TURUN NAIK PASARAN SAHAM MENJADIKAN HARGA UNIT ASN TIDAK LAGI TETAP PADA \$1 SEUNIT SEPERTI SEKARANG, KATANYA.

HARGA SEUNIT BAGAIMANAPUN AKAN DIASASKAN KEPADA NILAI ASET KETARA PORTFOLIO SKIM ASN SETIAP HARI, YANG BERDASARKAN HARGA SAHAM DALAM PORTFOLIO TERSEBUT YANG DIURUSNIAGAKAN DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR.

PERDANA MENTERI BERKATA URUSNIAGA SEPERTI ITU ADALAH SATU CARA DAN PENGALAMAN BARU BAGI KEBANYAKAN 2.4 JUTA PELABUR ASN SEKARANG DAN AKAN MEMPERKENALKAN MEREKA KEPADA REALITI PERNIAGAAN YANG MENANGGUNG RISIKO DAN BUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TERJAMIN SELAMA-LAMANYA.

KATANYA, MASYARAKAT BUMIPUTERA MASIH PERLU DIBERI SOKONGAN SUPAYA KEMAMPUAN MEREKA MENJADI SEMAKIN KUKUH DAN MELUAS DALAM PROSES PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI NEGARA, DAN SEHUBUNGAN ITU SKIM ASB DILANCARKAN BAGI MEMELIHARA SERTA MENGUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI MEREKA SELEPAS 1990. -- LAGI

1415MST 11 11 89

U B065 AAB
MAHATHIR - ASB 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BERIKUTAN DENGAN ASN DIURUSNIAGAKAN DI BURSA SAHAM, PNB SEDANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN BERURUSNIAGA MELALUI KOMPUTER TALIAN TERUS ANTARA IBU PEJABAT ASN DAN PEJABAT-PEJABAT POS SELURUH NEGARA. BAGI FASA PERTAMA MENJELANG 1991, SEBANYAK 280 BUAH PEJABAT POS AKAN MEMPUNYAI KEMUDAHAN SEDEMİKIAN.

KATANYA, INI BERMAKNA PARA PELABUR DI KAWASAN PEDALAMAN JUGA AKAN MENGETAHUI HARGA SAHAM ASN SETIAP HARI UNTUK MEREKA MENJUAL DAN MEMBELINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEPERTI NEGARA LAIN YANG MENGGALAKKAN PENGEMBLENGAN SIMPANAN ORANG PERSEORANGAN, KERAJAAN AKAN MEMBERI PELEPASAN CUKAI KEPADA SKIM ASB. KATANYA, DIVIDEN SKIM ASB YANG BERJUMLAH \$5,000 KE BAWAH AKAN DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN MENERUSKAN PELEPASAN CUKAI KEPADA PNB, ASN BERHAD DAN SKIM ASN.

MENURUTNYA, KEJAYAAN SKIM ASN BOLEH DIUKUR DARIPADA PULANGAN YANG DITERIMA OLEH PARA PELABURNYA. LEBIH \$2,466 JUTA TELAH DIBAYAR KEPADA MEREKA DALAM TEMPOH LAPAN TAHUN, KATANYA. -- LAGI

1424MST 11 11 89

D775

U B066 AAB
MAHATHIR - ASB 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYATAKAN BANGGANYA DENGAN SKIM ASN SEBAGAI SATU-SATUNYA ALAT MENGAGIHKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KEUNTUNGAN AKTIVITI EKONOMI NEGARA KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT BUMIPUTERA.

SEHUBUNGAN ITU, BELIAU MENYERU SEMUA GOLONGAN BUMIPUTERA MENYAMBUT SKIM ASB SEBAGAI +BENTENG SEMENTARA MENJELANG PEMBENTUKAN SIFAT-SIFAT DAN NILAI-NILAI YANG BENAR-BENAR BOLEH MEMBERI TEMPAT YANG SAKSAMA KEPADA MEREKA DALAM EKONOMI NEGARA.+ -- BERNAMA

1425MST 11 11 89